


Newspaper : **Utusan Malaysia**  
 Date : **21st June 2011**  
 Title : **60,000 pengguna sehari**  
 Section : **Utusan Kota** Page : **31**



LEBUHRAYA KL-Kuala Selangor bermula di Taman Templer, di Lembah Klang dan tamat di Ijok, Selangor akan dirasmikan oleh Shaziman Abu Mansor tidak lama lagi. – UTUSAN/MOHD. NAIM AZIZ



## LATAR Expressway beroperasi tidak lama lagi 60,000 pengguna sehari

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI** dan **MOHAMMED SOFIAN BAHAROM**  
 kota@utusangroup.com.my

**SELANGOR** 20 Jun - Pihak pengurusan Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR Expressway) menjangkakan 60,000 pengguna akan menggunakannya apabila kemudahan bernilai RM958 juta itu mula beroperasi tidak lama lagi.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amran Amir berkata, jumlah pengguna lebuhraya sepanjang 33 ki-

lometer itu dijangka meningkat dengan kadar purata lima peratus setiap tahun dalam tempoh 10 tahun.

Katanya, lebuhraya yang mempunyai tiga buah plaza tol dengan jarak 18 minit bagi setiap susur keluar tersebut dapat menawarkan perjalanan yang lebih pantas dan selamat kepada pengguna.

"Lebuhraya ini sudah 99.9 peratus siap dan dijangka akan beroperasi dalam masa terdekat yang akan diumumkan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor.

"Kadar tol bagi LATAR Expressway yang merupakan tol terbuka atau pun tol dengan kadar harga rata akan turut diumumkan oleh kerajaan nanti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan taklimat media dan lawatan tapak ke lebuhraya tersebut di sini hari ini.

Katanya, lebuhraya yang memiliki empat persimpangan utama iaitu di Ijok, Puncak Alam, Kuang dan Taman Templer itu dijangka memberi pulangan terhadap kos

perbinaannya selepas 15 hingga 20 tahun ia beroperasi.

Jelas Amran, pertumbuhan pesat di kawasan sekitarnya termasuk di Kuala Selangor, Asam Jawa, Ijok, Bestari Jaya, Kota Puteri, Puncak Alam, Shah Alam, Bukit Jelutong dan Sungai Buloh pasti akan melonjakkan bilangan pengguna lebuhraya itu.

Ujarnya, projek yang turut memberi manfaat dari segi peluang pekerjaan serta ekonomi kepada penduduk tempatan itu merupakan di-

antara usaha kerajaan dalam mewujudkan laluan alternatif Jalan Kepong-Kuala Selangor.

"Lebuhraya ini juga merupakan sebahagian perancangan kerajaan bagi pembinaan Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) bagi menyuraikan kesesakan lalu lintas sepanjang Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Jalan Lingkaran Tengah 2 (JLT2) terutama trafik dari Lebuhraya Utara Selatan tanpa melalui pusat bandar raya Kuala Lumpur," tambah beliau.

From : Group Corporate Communication Department  
 Date : 22nd June 2011  
 Subject : Bina Puri News Update

**"FOR STAFF INFORMATION & UPDATES"**